

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

YFP 303/6 - Penerbitan Televisyen II

Masa: [3 jam]

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Soalan 1 adalah diwajibkan.

1. "Membentukkan idea (untuk dokumentari) dan cara-cara menyampaikannya dengan berkesan adalah tugas yang paling penting dan kreatif bagi penerbit - sebenarnya lebih penting daripada prosedur-prosedur dan teknik-teknik (penerbitannya)." - Harris Watts, (1982) ms. 17.

Berasaskan pendapat tersebut, terangkan mengapakah anda memilih idea dokumentari/laporan video tersebut untuk penerbitan anda danuraikan sama ada ia berjaya daripada segi mesejnya dan tekniknya.

(25 markah)

2. Satu siaran berita televisyen memerlukan beberapa ciri khusus untuk memperbezakannya daripada sebuah akhbar bercetak. Bincangkan ciri-ciri ini dengan membahagikannya kepada kategori-kategori berikut:

- a. visual;
- b. penulisan;
- c. penyampaian.

(25 markah)

3. Terangkan dengan ringkas:

- a. syot pandangan umum (general view shot)
- b. syot sampingan (cutaway shot)
- c. penyuntingan "assemble"
- d. penyuntingan "insert"
- e. trek naratif (narrative track)

(25 markah)

4. Walaupun teknologi HDTV sudah menjadi satu kenyataan, ada beberapa halangan untuk melaksanakannya secara meluas di dunia. Terangkan apakah kelebihan-kelebihan HDTV berbanding sistem-sistem yang sedia ada dan apakah masalah-masalah yang dihadapi di dalam perlaksanaannya.

(25 markah)

5. TV3 adalah pertubuhan televisyen swasta pertama di Malaysia. Merujuk kepada perbincangan mengenai masalah pengurusan rancangan TV3 oleh pengurus rancangannya, dan kepada perhatian anda sendiri atas rancangan-rancangan stesen tersebut, ulaskan kejayaan dan kegagalan stesen tersebut di dalam memajukan mutu kandungan rancangan di dalam televisyen di Malaysia.

(25 markah)

6. Penerbit televisyen mempunyai persiapan-persiapan yang berlainan apabila menghadapi keadaan penerbitan dengan berbilang kamera di studio (umpamanya penerbitan berita) dan penerbitan dengan kamera tunggal (umpamanya penerbitan dokumentari). Senaraikan langkah-langkah pra-penerbitan (preproduction) yang mesti diambil di dalam keadaan-keadaan berlainan ini.

(25 markah)

7. Keganasan sememangnya sudah menjadi sebahagian tetap rancangan televisyen sama ada di dalam rancangan fiksyen (direkakan) ataupun di dalam rancangan berita (sebenar). Berasaskan apa anda dapat melihat di dalam rangkaian-rangkaian televisyen di Malaysia, bincangkan apakah perbezaan di antara dua jenis keganasan ini, dan apakah pendapat anda tentang kesannya kepada penonton.

(25 markah)

-0000000-